BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
April 2019

Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah pada bulan April 2019



- Inflasi keseluruhan tidak berubah pada 0.2% pada bulan April (Mac: 0.2%) dalam keadaan sumbangan negatif daripada inflasi pengangkutan.
- Harga petrol RON95 dan diesel kekal pada paras tertinggi. Paras harga ini lebih rendah berbanding dengan harga pada tempoh asas bulan April 2018.
- Inflasi makanan stabil pada 1.1% (Mac: 1.1%).
- Tanpa mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] tidak berubah pada 1.6%.

[1]*Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Eksport merosot pada kadar yang lebih kecil pada bulan Mac 2019



- Eksport mencatatkan kadar kemerosotan lebih kecil iaitu -0.5% (Februari: -5.3%) disebabkan terutamanya oleh pemulihan dalam eksport bukan E&E.
- Pada masa akan datang, prestasi eksport dijangka sederhana berikutan pertumbuhan dan kegiatan perdagangan global yang agak sederhana.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

Pinjaman yang dikeluarkan terus menyokong aktiviti ekonomi



- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada segmen perniagaan dan isi rumah sebanyak RM101.6 bn nyata lebih tinggi berbanding dengan purata bulanan bagi tahun 2014 hingga 2018 sebanyak RM93.0 bn.
- Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman terkumpul menurun kepada 4.5% (Mac: 4.9%), memandangkan peningkatan dalam pembayaran balik pinjaman terus mengatasi pertumbuhan dalam pengeluaran pinjaman.
- Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 3.2% (Mac: 4.1%), disebabkan banyak sektor mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah. Pinjaman isi rumah terkumpul pula berkembang 5.2% (Mac: 5.3%).

[1]*Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.*

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sorotan Bulanan
April 2019

Prestasi pasaran kewangan domestik mencerminkan sentimen pelabur yang berhati-hati

Prestasi Pasaran Kewangan Bulan April



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan April, pasaran kewangan domestik terjejas oleh perkembangan di luar dan dalam negeri. Hal ini menyebabkan aliran keluar portfolio bukan pemastautin secara menyeluruh daripada pasaran bon dan ekuiti domestik.
- Sentimen pelabur terjejas disebabkan terutamanya oleh kebimbangan mengenai ketegangan geopolitik dan unjuran pertumbuhan dunia yang lebih rendah oleh IMF. Selain itu, laporan mengenai kemungkinan Malaysia menyertai *World Government Bond Index* (WGBI) turut menjejaskan sentimen dalam pasaran bon domestik.
- Susulan perkembangan tersebut, FBM KLCI merosot 0.1% manakala kadar hasil MGS 10 tahun meningkat 3 mata asas pada bulan April. Ringgit menyusut nilai sebanyak 1.3% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS), dan hal ini sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau yang bergerak dalam julat -2.4% hingga +1.3% berbanding dengan dolar AS.

Kualiti aset sistem perbankan terus kukuh

Sistem Perbankan Kualiti Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Kualiti aset bank terus kukuh dengan nisbah pinjaman terjejas bersih keseluruhan kekal stabil pada 1.0%.
- Bank terus mempunyai penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan kerugian kredit dengan jumlah peruntukan sebanyak 92.7% daripada jumlah pinjaman terjejas.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 05/19/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 31 Mei 2019

SOROTAN BULANAN – APRIL 2019

Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah pada bulan April 2019

- Inflasi keseluruhan tidak berubah pada 0.2% pada bulan April (Mac: 0.2%) dalam keadaan sumbangan negatif daripada inflasi pengangkutan.
- Harga petrol RON95 dan diesel kekal pada paras tertinggi. Paras harga ini lebih rendah berbanding dengan harga pada tempoh asas bulan April 2018.
- Inflasi makanan stabil pada 1.1% (Mac: 1.1%).
- Tanpa mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] tidak berubah pada 1.6%.

Eksport merosot pada kadar yang lebih kecil pada bulan Mac

- Eksport mencatatkan kadar kemerosotan lebih kecil iaitu -0.5% (Februari: -5.3%) disebabkan terutamanya oleh pemulihan dalam eksport bukan E&E.
- Pada masa akan datang, prestasi eksport dijangka sederhana berikutan pertumbuhan dan kegiatan perdagangan global yang agak sederhana.

Pinjaman yang dikeluarkan terus menyokong aktiviti ekonomi

- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada segmen perniagaan dan isi rumah sebanyak RM101.6 bn nyata lebih tinggi berbanding dengan purata bulanan bagi tahun 2014 hingga 2018 sebanyak RM93.0 bn.
- Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman terkumpul menurun kepada 4.5% (Mac: 4.9%), memandangkan peningkatan dalam pembayaran balik pinjaman terus mengatasi pertumbuhan dalam pengeluaran pinjaman.
- Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 3.2% (Mac: 4.1%), disebabkan banyak sektor mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah. Pinjaman isi rumah terkumpul pula berkembang 5.2% (Mac: 5.3%).

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Prestasi pasaran kewangan domestik mencerminkan sentimen pelabur yang berhati-hati

- Pada bulan April, pasaran kewangan domestik terjejas oleh perkembangan di luar dan dalam negeri. Hal ini menyebabkan aliran keluar portfolio bukan pemastautin secara menyeluruh daripada pasaran bon dan ekuiti domestik.
- Sentimen pelabur terjejas disebabkan terutamanya oleh kebimbangan mengenai ketegangan geopolitik dan unjuran pertumbuhan dunia yang lebih rendah oleh IMF. Selain itu, laporan mengenai kemungkinan Malaysia menyertai World Government Bond Index (WGBI) turut menjejaskan sentimen dalam pasaran bon domestik.
- Susulan perkembangan tersebut, FBM KLCI merosot 0.1% manakala kadar hasil MGS 10 tahun meningkat 3 mata asas pada bulan April. Ringgit menyusut nilai sebanyak 1.3% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS), dan hal ini sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau yang bergerak dalam julat -2.4% hingga +1.3% berbanding dengan dolar AS.

Kualiti aset sistem perbankan terus kukuh

- Kualiti aset bank terus kukuh dengan nisbah pinjaman terjejas bersih keseluruhan kekal stabil pada 1.0%.
- Bank terus mempunyai penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan kerugian kredit dengan jumlah peruntukan sebanyak 92.7% daripada jumlah pinjaman terjejas.

Bank Negara Malaysia
31 Mei 2019

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my